



## KENYATAAN/ SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya**  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

**ROYAL FLORIA PUTRAJAYA 2019**

**Taman Botani, Presint 1, Putrajaya**

**31 Ogos – 8 September 2019**

**PUTRAJAYA, 22 Julai 2019** – Penganjuran Royal FLORIA Putrajaya 2019 di Taman Botani, Putrajaya adalah pameran bunga dan taman bertaraf Antarabangsa di Malaysia yang akan berlangsung mulai 31 Ogos sehingga 8 September 2019. Royal FLORIA Putrajaya 2019 bertemakan "*Mother of All Gardens*" dengan memilih Orkid dan Bonsai sebagai bunga tema festival. Acara berprestij dalam industri pelancongan Malaysia ini merupakan platform kepada Putrajaya dalam menjalankan kerjasama antarabangsa di arena Pameran Bunga-bungaan sekitar Rantau Asia Pasifik dan seterusnya di dalam peta dunia.

Penganjuran kali ke-11 Royal FLORIA Putrajaya 2019 oleh Perbadanan Putrajaya ini telah mendapat sokongan daripada Rakan Penganjur Bersama iaitu Kementerian Wilayah, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia juga Jabatan Landskap Negara. Penganjuran Royal FLORIA Putrajaya pada setiap tahun amat bertepatan dengan matlamat perancangan dan pembangunan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan sebagai *Intelligent Garden City* dengan menggabungkan elemen moden dan alam semula jadi serta dihiasi dengan kepelbagaiannya flora yang unik, menarik lagi berwarna-warni yang terdapat di Malaysia.

Kemeriahan penganjuran bakal diraikan dengan lebih gemilang di salah sebuah daripada 12 Taman Metropolitan Putrajaya iaitu di Taman Botani yang terletak di Presint 1 Putrajaya dan dikenali sebagai "**Mother of All Gardens**" bagi mewakili kesemua taman-taman awam di Putrajaya. Lokasi Taman Botani yang strategik bersebelahan dengan beberapa ikonik mercu tanda Putrajaya seperti Bangunan Perdana Putra (Pejabat YAB Perdana Menteri), Kompleks Seri Perdana, Istana Melawati, Dataran Pahlawan, Jambatan Putra, Persiaran Perdana (*Boulevard*), Masjid Putra, Taman Putra Perdana, Laman Perdana, Wetland dan Tasik Putrajaya membuatkan Royal FLORIA Putrajaya 2019 mudah dikunjungi. Ini juga merupakan antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya dalam mempromosikan Taman-taman Awam di Putrajaya.

Royal FLORIA Putrajaya 2019 ini bukan sahaja mempamerkan keindahan dan keceriaan warna bunga-bungaan dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di Malaysia dari lain-lain tempat di dunia, malah ia juga turut menambah keindahan Putrajaya yang dirancang serta dibina dengan seni bina yang begitu unik, rapi dan mempunyai karakter yang tersendiri. Royal FLORIA Putrajaya disenaraikan sebagai salah satu acara utama dalam Kalendar Acara Tahunan Malaysia oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan

Nina / Faiz 31/7

Budaya Malaysia dan terbukti berjaya menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Bunga-Bunga yang kini membantu melonjakkan industri pelancongan negara.

Pemilihan Orkid dan Bonsai sebagai bunga tema festival **Royal FLORIA Putrajaya 2019** ditampilkan melalui koleksi orkid dan bonsai yang unik dengan gabungan nilai estetik serta artistik ini dan dipersembahkan di dalam suasana Taman Botani yang menarik. Ia sekaligus diharap dapat memanfaatkan sepenuhnya potensi yang ditawarkan oleh teknologi dalam pembangunan dan pengurusan industri pertanian, terutamanya industri florikultur dan hortikultur yang mampu menjadi industri bernilai tinggi. Festival ini juga disasarkan dapat memberi fokus kepada intensifikasi produk industri landskap dan hortikultur (florikultur, olerikultur, pamologi dsb.) seperti pameran kepelbagaiannya spesies dan variasi orkid di Malaysia yang menarik dan sangat dijejak oleh peminat orkid dari dalam dan luar negara. Ciri-ciri gubahan, penanaman dan penjagaan istimewa bonsai juga dilihat mampu menyumbang kepada aspek penyelidikan, pembangunan inovasi produk pertanian dan pengkomersialan dalam memenuhi pemintaan pelanggan sekaligus berpotensi besar untuk sektor pelancongan, penyelidikan dan pembangunan.

**Royal FLORIA Putrajaya 2019** berjaya menggabungkan sejumlah 79 *Garden Showcase* pelbagai tema dan rekabentuk unik yang terdiri dari 48 *Outdoor Garden Showcase* dan 31 *Indoor Garden Showcase* dengan pecahan seperti berikut:

- a) 12 penyertaan mewakili Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan, Korporat dan Swasta dalam kategori *Government & Corporate Garden Showcase*,
- b) 7 penyertaan dari *Flower Grower Garden*,
- c) 14 penyertaan Sekolah Rendah dan 11 penyertaan Sekolah Menengah untuk *School/Garden (Terrarium)*,
- d) 6 penyertaan dari Universiti dan Kolej untuk *University Garden (Vertical Wall Showcase)*,
- e) 4 penyertaan *Designer Garden* dari Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM),
- f) 5 penyertaan *Floating Flower* oleh Pegawai Muda Perbadanan Putrajaya,
- g) 10 penyertaan komuniti Putrajaya untuk *Community Garden*,
- h) 4 pameran di *Fruits Valley* dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan
- i) 6 orang peserta antarabangsa dari Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Indonesia, Singapura dan termasuk Malaysia akan mempamerkan hasil rekabentuk *floral installation* untuk *Orchid Showcase* di *Royal Orchid Pavillion*.

Festival berprestij ini juga menawarkan sejumlah 26 Anugerah **Royal FLORIA Putrajaya 2019** yang terdiri daripada *FLORIA Garden Prime Award*, *President's Garden Award*, *FLORIA Garden Award*, *FLORIA Garden Creative Award*, *FLORIA Garden Starlight Award*, *FLORIA Special Jury Award*, *FLORIA Best Booth Award* dan *FLORIA Community Award*.

**Royal FLORIA Putrajaya 2019** mempamerkan sejumlah 1 juta kuntum bunga-bunga berwarna-warni, tanaman *annuals*, pokok-pokok renek berbunga pelbagai jenis, tidak kurang dari 500 variati spesis orkid serta lebih dari 100 koleksi bonsai, disamping pelbagai kultivar bunga-bunga dan tanaman

hiasan yang paling indah, berwarna-warni dan harum dengan wangian semulajadi. Keunikan dan kreativiti ini mampu menghasilkan rekaan landskap dengan kombinasi spesis tempatan dan eksotik yang istimewa lagi mempersonakan dan memberi kepuasan kepada setiap pengunjung yang hadir. Festival ini sudah tentu menggamit lebih ramai pengunjung kerana bunga orkid dan bonsai merupakan bunga *evergreen* atau malar hijau yang diminati ramai sama ada di kalangan masyarakat Malaysia maupun pelawat dari luar negara.

Sepanjang tempoh sembilan hari Festival ini, disasarkan seramai 500.000 orang pengunjung tempatan dan pelancong luar negara akan mengunjungi **Royal FLORIA Putrajaya 2019** termasuk perunding landskap, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), pemaju, kontraktor landskap, pengusaha dan pembekal industri flora serta perabot landskap, penuntut institusi pengajian tinggi dan pelajar sekolah. Selain dari pameran landskap dan florikultur, para pengunjung juga berpeluang menyertai lebih dari 100 aktiviti harian, hiburan berunsur *edutainment*, bengkel dan demonstrasi perkebunan yang akan berlangsung sepanjang Royal Floria Putrajaya 2019 diadakan. Antara tarikannya adalah *FLORIA Fun Run*, *Aerobicthon* bertemakan *Glow In The Dark*, *Floral Fashion Show*, *Garden Talk*, gubahan bunga, Masakan DiRaja, persembahan artis jemputan dan banyak lagi.

Bagi memastikan keselesaan pengunjung, hampir 1.500 parkir kereta dan 66 parkir bas tersedia di beberapa lokasi sekitar Taman Botani seperti di *Parcel B*, *Parcel E*, Dataran Pahlawan, Dataran Putra, Laman Perdana, Taman Putra Perdana dan Kelab Tasik Putrajaya yang berhampiran dengan tapak **Royal Floria Putrajaya 2019**. Perkhidmatan *shuttle bus* dan *water taxi* juga disediakan bagi membawa pengunjung dari kawasan parkir tersebut ke tapak festival. Perkhidmatan air (*water taxi*) ini akan beroperasi dari Jeti *Cruise Tasik* dan Kelab Tasik Putrajaya yang akan mengambil dan menurunkan penumpang ke Jeti Taman Botani dengan jarak laluan sekitar 1.8km sehala dengan kadar bayaran yang minimum.

Selain itu, terdapat pelbagai kemudahan lain yang disediakan kepada pengunjung iaitu perkhidmatan *buggy*, 48 buah kios *Food & Beverage* yang diletakkan di sekitar lokasi termasuklah 8 buah *food truck*, perkhidmatan Surau Bergerak dan Bank Bergerak. Selain itu, pengunjung juga berpeluang memenuhi masa santai sepanjang festival dengan mencuba pelbagai aktiviti rekreasi yang disediakan seperti *Paddle Boat*, *Picnic Boat*, *Water Ball* dan lain-lain lagi.

Festival ini juga menyediakan 31 buah gerai jualan produk untuk taman, landskap dan hortikultur di *Garden Bazaar & Hortmart* yang bertujuan untuk memacu penjanaan ekonomi negara menerusi penerokaan bidang-bidang baharu peniagaan dan penyediaan peluang pekerjaan kepada usahawan tempatan.

Bayaran tiket masuk ke **Royal FLORIA Putrajaya 2019** untuk **Warganegara** adalah sebanyak RM5.00 bagi orang dewasa manakala RM3.00 bagi OKU, kanak-kanak dan warga emas. Manakala untuk **bukan Warganegara** (non MyKad) harga tiket adalah RM10.00 untuk dewasa dan RM6.00 untuk OKU, kanak-kanak dan warga emas. Untuk maklumat lanjut, sila layari platform media sosial kami di **Facebook** (Royal Floria Putrajaya), **Instagram** (@putrajayafloria) dan **Twitter** (Official Royal Floria Putrajaya) atau boleh hubungi Tn. Hj. Mustafa Kamal Ismail di talian 03-8887 7043.

**(TENGKU AINA BINTI TENGKU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah Komunikasi Korporat**

**b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya**

Tarikh: Julai 2019